

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MEI 2015 (ISNIN)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-------------------|
| 1. | NICE 2015 tarik 1,000 peserta | Utusan Malaysia |
| 2. | NICE 2015 | Utusan Malaysia |
| 3. | MOSTI capai KPI 134 peratus | Utusan Malaysia |
| 4. | Metrology Lab tackles aes, rice moisture | New Straits Times |
| 5. | SIRIM pastikan pengguna selamat | Harian Metro |

KERATAN AKHBAR
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
 TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

sains

NICE 2015 tarik 1,000 peserta

Iktiraf hasil kreativiti dan inovasi tempatan



IMBAS... Rostrum pintar (Rospin) antara inovasi yang pernah memenangi AIN.

SEPERTI juga tahun-tahun sebelumnya, Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2015) bakal menemui orang ramai pada 21 hingga 23 Mei ini. Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Ewon Ebin**, penganjur NICE 2015 mengekalkan tujuan utamanya iaitu mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat.

Jelas beliau, NICE 2015 akan diadakan di ibu negara bertemakan *Melewati Inovasi (Beyond Innovation)*.

Dengan tema tersebut, ia akan membuka ruang membincangkan bagaimana inovasi dapat memberi impak kepada manusia sejagat.

"Persidangan pada kali ini pihak penganjur menyasarkan sebanyak 1000 peserta dan hampir 20,000 pengunjung dan meliputi setiap aspek inovasi dan fokus kepada nilai sebenar inovasi tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Apresiasi MOSTI 2015 di Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

NICE 2015 merupakan antara program yang dilaksanakan MOSTI bagi mencapai sasaran pengkomersialan sebanyak 360 produk inovasi menjelang 2020 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Dengan itu, MOSTI sedang berusaha mengandakan program menggalakkan syarikat dan individu yang terlibat dalam aktiviti inovasi bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C).

MOSTI juga telah memperkenalkan inovasi sosial atau *MOSTI Social Innovation (MSI)* sebagai salah satu elemen dalam peluasan skop dana bermula 2015.

Memperuntukan dana sejumlah RM20 juta, geran tersebut akan diagihkan menerusi salah sebuah agensinya iaitu Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bersama hasrat untuk memperluaskan skop dana *Community Innovation Fund (CIF)* bagi mmbiayai projek yang memiliki elemen inovasi sosial walaupun tiada elemen penyelidikan dan pembangunan (R&D) terbaharu.

Dana tersebut turut terbuka kepada pereka cipta dan inovasi akar umbi, pemenang anugerah inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Inovasi sosial juga merujuk kepada konsep, idea dan strategi yang membawa kepada penambahbaikan sosial pelbagai lapisan masyarakat menerusi pendekatan inovatif.

Oleh yang demikian, elemen teknologi yang boleh disebarkan lebih daripada satu lokasi akan menjadi salah satu kriteria yang akan dipertimbangkan untuk penerima dana di bawah inovasi sosial tersebut.

Pendekatan tersebut dilihat akan dapat membela nasib akar umbi yang telah melaksanakan inovasi.

Justeru, penganjur NICE 2015 merupakan peluang dan ruang untuk golongan pereka cipta serta masyarakat melihat dengan lebih dekat mengenai sains, teknologi dan inovasi.

Selain menyasarkan peserta dalam kalangan orang awam, syarikat swasta, instituti pengajian tinggi awam dan swasta, NICE 2015 turut membawakan panel penceramah dan pembentang dari luar dan dalam negara.

Merangkumi enam aktiviti utama iaitu majlis perasmian, persidangan, inovasi dan pengkomersialan, pameran, padanan

perniagaan, klinik dana dan malam kemuncak iaitu Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2015.

Bagi program persidangan, personaliti dan penceramah khas dijemput sama ada dari dalam mahupun luar negara yang berpengalaman dalam bidang inovasi dan pengkomersialan bagi berkongsi idea, inspirasi dan kepakaran. Sesi khas pula akan dibahagikan kepada tiga trek berbeza yang memenuhi kecenderungan tiga kumpulan fokus iaitu sektor awam, industri dan belia.

Seterusnya, pameran yang dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu hasil pencapaian atau kejayaan MOSTI, finalis AIN dan lain-lain.

Pameran itu juga turut memaparkan jualan produk-produk inovasi dan R&D pereka cipta tempatan.

Bagi sesi padanan perniagaan pula dilihat dapat membantu peserta mengenal pasti syarikat dan rakan kongsi yang berpotensi untuk menjana keuntungan menerusi perluasan teknologi dan meningkatkan aktiviti pengkomersialan.

Peserta juga dapat berkongsi idea dan kaedah terbaik untuk melebarkan teknologi serta mempromosi produk masing-masing.

Menggunakan kaedah *conceptual match* dan aktiviti seperti pembentangan produk, demonstrasi serta ruang diskusi akan mewujudkan suasana urus niaga yang lebih santai dan profesional.

Terakhir adalah klinik dana yang diadakan bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih tepat dan khidmat nasihat kepada penyelidik dan rakan industri berhubung prosedur dan kelayakan permohonan dana R&D MOSTI.

Bagi yang berminat untuk menyertai NICE 2015 serta mendapatkan maklumat lanjut berkenaan layari laman web MOSTI di www.mosti.gov.my/nice2015.



DR. EWON EBIN

Info NICE 2015

- Tarikh: 21 hingga 23 Mei 2015
- Tempat: Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).
- Tahun lalu sempena *MOSTI Commercialisation Year (MCY2014)* MOSTI mensasarkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D MOSTI dikomersialkan.
- MOSTI berjaya mengkomersialkan sebanyak 65 produk R&D yang menggunakan dana MOSTI melebihi sasaran yang ditetapkan.
- Menjelang 2020, sebanyak 360 produk inovasi disasarkan oleh kerajaan.

SENARAI ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN 2015)

| JENIS | KATEGORI | HADIAH (RM) |
|------------------------|--------------|-------------|
| Anugerah Inovasi | Produk | RM50,000 |
| | Perkhidmatan | RM50,000 |
| | Akar umbi | RM20,000 |
| Anugerah Sains Muda | Sekolah | RM10,000 |
| | | RM20,000 |
| Anugerah Juruteknologi | | RM10,000 |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 04
TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

Sertai Kamil!

15 nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

**melewati
inovasi**

**21 • 23
MEI 2015**

PUSAT KONGRES
KUALA LUMPUR (KLCC)

PERSIDANGAN
PAMERAN
PADANAN PERNIAGAAN
KLINIK DANA

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

ITEX 15
MALAYSIA
15th International Trade & Innovation Exhibition

**NATIONAL
INNOVATION
AWARD**

Sains & Inovasi
Perkembangan
Persekitaran

#NICEMOSTI2015 www.mosti.gov.my/nice2015

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

MOSTI capai KPI 134 peratus

SEBAGAI sebuah badan yang meneraju bidang sains, teknologi dan inovasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa mempamerkan prestasi kerja yang cemerlang.

Menurut menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin, kecemerlangan tersebut merupakan satu bukti kakitangan kementerian tersebut sentiasa bersatu dan bersama dalam memacu perjalanan khususnya dalam merealisasikan visi

MOSTI.

Jelasnya, MOSTI pada tahun lepas berjaya mencatatkan pencapaian tahap Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 134 peratus dalam prestasi bidang teras (*core business*) mereka.

“Perdana Menteri pada 28 April lalu telah melancarkan laporan tahunan Program Transformasi Nasional 2014 yang mengandungi pencapaian KPI sepanjang tahun 2014 yang telah disumbangkan pelbagai pihak termasuk

jabatan dan agensi di bawah MOSTI.

“Pada tahun ini, walaupun masih berada dalam tempoh separuh tahun pertama, MOSTI telah berjaya melaksanakan pelbagai program utama,” katanya.

Tambah beliau, antara program terbaharu adalah BioBorneo 2015 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah dan Mesyuarat ISO Teknik Keselamatan Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) di

Kuching, Sarawak.

MOSTI juga telah melaksanakan empat siri *Karnival Kreativiti dan Science4u* mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Timur dan Zon Sarawak.

Berikutan pencapaian tersebut MOSTI telah mengadakan Majlis Apresiasi MOSTI 2015 bagi meraikan seramai 348 orang kakitangannya yang menerima anugerah dan sumbangan atas perkhidmatan cemerlang sepanjang 2014.